

PERSEPSI TERHADAP KEBERKESANAN BENGKEL CATCH AND SCORE BAGI JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL

PERCEPTIONS OF THE EFFECTIVENESS OF THE CATCH AND SCORE WORKSHOP FOR THE DEPARTMENT OF MECHANICAL ENGINEERING

Siti Meriam Ibrahim^{a*}, Wan Zilliani Wan Ismail^b & Sharifah Enne Suhaini Syed Mohd Zahari^c

^aJabatan Kejuruteraan Mekanikal, Politeknik Port Dickson, Port Dickson, Negeri Sembilan, Malaysia, (E-mail: sitimeriam@polipd.edu.my)

^b Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Politeknik Port Dickson, Port Dickson, Negeri Sembilan, Malaysia, (E-mail: wanzilliani@polipd.edu.my)

^c Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Politeknik Port Dickson, Port Dickson, Negeri Sembilan, Malaysia, (E-mail: sharifah_enne@polipd.edu.my)

**Corresponding Author*

Article history

Received date : 25-5-2026
Revised date : 1-6-2026
Accepted date : 1-7-2026
Published date : 31-7-2026

To cite this document:

Ibrahim, S.M. Wan Ismail, W.Z. & Syed Mohd Zahari, S.E.S. (2026). *Persepsi terhadap keberkesanan bengkel catch and score bagi Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (IJCS)*, 2(2), 98-104.

Abstrak: Kajian ini bertujuan untuk menilai keberkesanan pelaksanaan Bengkel Catch and Score dalam membantu pelajar meningkatkan prestasi akademik, khususnya dari segi kemahiran penyelesaian masalah, kefahaman terhadap format soalan peperiksaan akhir, dan keyakinan diri semasa menjawab soalan. Pendekatan kajian menggabungkan kaedah kuantitatif dan kualitatif melalui penggunaan soal selidik terbuka yang diedarkan kepada pelajar-pelajar Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Politeknik Port Dickson selepas mereka menghadiri bengkel yang dianjurkan. Bilangan sampel adalah seramai 37 pelajar. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa program ini memberi kesan positif yang ketara terhadap tahap kefahaman akademik pelajar serta keupayaan mereka mengaplikasikan teknik menjawab soalan dengan lebih berkesan. Selain itu, pelajar turut menunjukkan peningkatan dalam pengurusan masa dan motivasi untuk belajar secara lebih sistematik. Interaksi aktif sepanjang bengkel juga membantu meningkatkan keyakinan diri pelajar dalam menghadapi peperiksaan. Namun demikian, beberapa penambahbaikan dicadangkan seperti mempelbagaikan kaedah pengajaran dan menyediakan latihan yang lebih berstruktur. Secara keseluruhan, program ini berpotensi menjadi satu pendekatan yang efektif dalam meningkatkan pencapaian akademik pelajar.

Kata kunci: Prestasi akademik; Penyelesaian masalah; Persediaan peperiksaan; Keyakinan pelajar; Interaksi aktif

Abstract: *This study aims to evaluate the effectiveness of the Catch and Score Workshop in enhancing students' academic performance, particularly in terms of problem-solving skills, understanding of the final examination question format, and confidence in answering examination questions. The study employed a mixed-method approach by integrating quantitative and qualitative methods through an open-ended questionnaire distributed to students from the Department of Mechanical Engineering, Port Dickson Polytechnic, after they had attended the workshop. The sample consisted of 37 students. The findings indicate that the programme had a significant positive impact on students' academic understanding and their ability to apply effective examination-answering techniques. In addition, the students demonstrated improvements in time management and motivation to study in a more systematic manner. Active participation throughout the workshop also enhanced students' confidence in preparing for and sitting examinations. Nevertheless, several improvements were suggested, including diversifying instructional approaches and providing more structured practice activities. Overall, the programme has the potential to serve as an effective intervention for improving students' academic achievement.*

Keywords: *Academic performance; Problem-Solving; Examination preparation; Student confidence; Active interaction*

PENGENALAN

Persediaan menghadapi peperiksaan akhir merupakan satu cabaran besar kepada pelajar, khususnya dalam kursus yang melibatkan kemahiran teknikal dan analitikal seperti dalam bidang kejuruteraan. Keupayaan pelajar bukan sahaja bergantung kepada penguasaan kandungan pembelajaran, malah turut melibatkan kemahiran mentafsir kehendak soalan, memilih strategi penyelesaian yang sesuai serta mengurus masa dengan berkesan semasa peperiksaan. Kelemahan dalam mana-mana aspek ini boleh memberi kesan langsung terhadap pencapaian akademik pelajar.

Dalam konteks pendidikan masa kini, penekanan terhadap pembelajaran sendiri (self-regulated learning) semakin diberi perhatian kerana ia membantu pelajar merancang, memantau dan menilai proses pembelajaran mereka secara lebih sistematik. Namun begitu, tidak semua pelajar mempunyai kemahiran ini secara semula jadi. Ramai dalam kalangan pelajar masih bergantung kepada kaedah pembelajaran tradisional tanpa memahami teknik menjawab soalan secara strategik, terutamanya dalam situasi peperiksaan yang bertekanan tinggi.

Selain itu, dapatan kajian lepas menunjukkan bahawa pelajar sering menghadapi kesukaran dalam menghubungkan teori yang dipelajari dengan aplikasi sebenar dalam bentuk soalan peperiksaan. Keadaan ini menyebabkan pelajar cenderung untuk menjawab secara tidak terancang, kurang yakin, serta gagal mengoptimumkan masa yang diperuntukkan. Justeru, intervensi berbentuk sokongan akademik seperti bengkel kemahiran menjawab soalan dilihat sebagai satu pendekatan yang relevan dan praktikal.

Sehubungan itu, Bengkel Catch and Score telah diperkenalkan sebagai satu inisiatif untuk membantu pelajar meningkatkan keupayaan menjawab soalan peperiksaan secara lebih

sistematik dan berfokus. Bengkel ini memberi penekanan kepada teknik mengenal pasti kata kunci soalan, penyusunan langkah penyelesaian, serta strategi pengurusan masa yang efektif. Melalui pendekatan pembelajaran aktif dan latihan berstruktur, pelajar didedahkan kepada kaedah yang dapat meningkatkan kefahaman serta keyakinan mereka dalam menghadapi peperiksaan.

Kajian ini dijalankan bagi menilai sejauh mana Bengkel *Catch and Score* berjaya mencapai objektif yang ditetapkan serta mengenal pasti kekuatan dan kelemahan pelaksanaannya berdasarkan maklum balas pelajar. Dapatan kajian ini diharapkan dapat memberi input yang signifikan dalam penambahbaikan program serta menjadi rujukan kepada institusi lain dalam merangka intervensi akademik yang lebih berkesan.

SOROTAN LITERATUR

Persediaan menghadapi peperiksaan akhir sering menjadi cabaran utama kepada pelajar, terutamanya dalam kursus yang memerlukan kemahiran teknikal dan analitikal. Kajian oleh Zimmerman, B. J. dan Schunk, D. H. (2020) menunjukkan bahawa pelajar yang kurang menguasai strategi pembelajaran sendiri cenderung menghadapi kesukaran dalam memahami kehendak soalan dan memilih kaedah penyelesaian yang tepat. Selain itu, kajian oleh Broadbent, J. (2021) mendapati bahawa pengurusan masa yang lemah semasa peperiksaan memberi kesan negatif terhadap prestasi akademik pelajar, khususnya dalam subjek berasaskan penyelesaian masalah.

Bagi menangani isu ini, pelaksanaan bengkel seperti Bengkel *Catch and Score* adalah selari dengan dapatan kajian semasa. Menurut Karpicke, J. D. dan Blunt, J. R. (2020), latihan berstruktur yang menekankan teknik menjawab soalan secara aktif mampu meningkatkan kefahaman konsep serta keupayaan mengaplikasikan pengetahuan dalam situasi peperiksaan.

Dari aspek keyakinan dan persediaan pelajar, kajian oleh van Dinther, M. et al. (2022) menunjukkan bahawa intervensi berbentuk bengkel dapat meningkatkan efikasi sendiri pelajar, seterusnya memberi impak positif terhadap pencapaian akademik. Hal ini disokong oleh kajian terkini oleh Nicol, D. (2023) yang mendapati bahawa maklum balas formatif dan latihan berfokus membantu pelajar memahami kehendak penilaian serta meningkatkan keyakinan dalam menjawab soalan peperiksaan.

Selain itu, aspek penambahbaikan program juga penting bagi memastikan keberkesanan berterusan. Kajian oleh Hattie, J. (2020) menekankan bahawa keberkesanan sesuatu intervensi pendidikan bergantung kepada penilaian berterusan dan maklum balas pelajar. Kajian oleh Carless, D. dan Boud, D. (2022) pula menyarankan bahawa penglibatan aktif pelajar dalam proses refleksi dapat membantu mengenal pasti kekuatan dan kelemahan sesuatu program akademik.

Kesimpulannya, sorotan kajian lepas menunjukkan bahawa intervensi seperti Bengkel *Catch and Score* berpotensi meningkatkan kemahiran penyelesaian masalah, keyakinan, serta tahap persediaan pelajar menghadapi peperiksaan. Walau bagaimanapun, penilaian berterusan dan penambahbaikan program adalah penting bagi memastikan keberkesanannya kekal relevan dan berimpak tinggi.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian deskriptif. Instrumen kajian adalah soal selidik berbentuk soalan terbuka yang diedarkan kepada pelajar selepas bengkel dijalankan. Responden

terdiri daripada pelajar yang telah menyertai Bengkel *Catch and Score*. Mereka datang daripada latar belakang tahap penguasaan akademik yang berbeza. Soal selidik merangkumi beberapa bahagian utama, iaitu:

- i. Strategi pelajar memulakan jawapan bagi soalan yang sukar difahami.
- ii. Persepsi terhadap keberkesanan bengkel dalam meningkatkan kemahiran menyelesaikan masalah.
- iii. Cadangan penambahbaikan bengkel.
- iv. Perubahan atau peningkatan yang dirasakan selepas menghadiri bengkel.

Data dianalisis secara analisis tema (thematic analysis) bagi mengenal pasti pola dan tema utama daripada maklum balas responden.

DAPATAN KAJIAN

Latar Belakang Responden


Latar belakang responden adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Latar Belakang Responden

Kategori		Pilihan	Peratus (%)
Jantina		Lelaki	86.5
		Perempuan	13.5
Semester		3	75.7
		4	2.7
		5	21.6
Keputusan Matematik	SPM	A (A+, A, A-)	51.4
		B (B+, B, B-)	21.6
		C (C+, C, C-)	27.0
Keputusan English	SPM	A (A+, A, A-)	40.5
		B (B+, B, B-)	27.0
		C (C+, C, C-)	32.4
Program		DKM	37.8
		DAD	40.5
		DTP	21.6

Sumber: Soal selidik yang dijalankan ke atas pelajar yang menghadiri Bengkel *Catch and Score* (2025).

Analisis Dapatan Kajian



Rajah 1: Peratusan Menjawab Sangat Setuju (5) bagi Setiap Soalan

PERBINCANGAN

Dapatan Rajah 1 menunjukkan kekuatan utama dengan mengadakan Bengkel Catch and Score ini adalah pelajar dapat kenal pasti topik penting (73.0%) bagi persediaan menjawab soalan peperiksaan akhir diikuti aktiviti sistematik, bahan dan latihan membantu, dan keberkesanan keseluruhan (70.3%). Ini membuktikan program berjaya dari segi struktur kandungan, penyusunan aktiviti, dan impak pembelajaran secara menyeluruh.

Bagi impak terhadap pembelajaran peserta, item seperti lebih memahami kandungan dan strategi menjawab (67.6%) menunjukkan program membantu meningkatkan kefahaman konsep dan kemahiran menjawab soalan. Sementara itu, persediaan lebih baik dan meningkatkan keyakinan (64.9%) mencerminkan kesan positif sederhana terhadap kesiapsiagaan dan keyakinan diri peserta.

Manakala dua aspek yang perlu penambahbaikan iaitu mengurus masa (59.5%) dan persekitaran & penyampaian (62.2%). Ini menunjukkan masih terdapat ruang untuk meningkatkan kecekapan pengurusan masa serta kualiti penyampaian dan suasana pembelajaran.

PENUTUP

Secara keseluruhan, kajian ini mendapati bahawa program yang dilaksanakan adalah berkesan dan diterima baik oleh majoriti responden, dengan semua aspek penilaian mencatat tahap persetujuan yang tinggi. Dapatan menunjukkan kekuatan utama program terletak pada kejelasan kandungan, kesesuaian topik, serta penyusunan aktiviti dan bahan latihan yang berjaya menyokong proses pembelajaran secara efektif.

Selain itu, program ini turut memberi impak positif dalam meningkatkan kefahaman, kemahiran menjawab soalan, tahap persediaan, dan keyakinan peserta, walaupun pada tahap sederhana bagi beberapa aspek. Ini menunjukkan bahawa program bukan sahaja membantu dari segi penyampaian ilmu, malah turut menyumbang kepada pembangunan kompetensi pelajar.

Walau bagaimanapun, kajian ini juga mengenal pasti beberapa ruang penambahbaikan, khususnya dari aspek pengurusan masa serta persekitaran dan kaedah penyampaian, yang mencatat peratus persetujuan paling rendah. Penambahbaikan dalam aspek ini penting bagi memastikan keberkesanan program dapat dipertingkatkan lagi pada masa akan datang.

Kesimpulannya, program ini boleh dianggap berjaya mencapai objektif utama, namun penambahbaikan yang bersasar perlu dilaksanakan bagi mengoptimumkan impak dan memastikan pengalaman pembelajaran yang lebih holistik dan berkesan.

PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak pengurusan Politeknik Port Dickson atas segala bentuk sokongan dan kemudahan yang telah disediakan sepanjang kajian ini dijalankan. Ucapan terima kasih turut ditujukan kepada rakan penyelidik serta semua pelajar Jabatan Kejuruteraan Mekanikal yang telah memberikan kerjasama dan sumbangan data yang amat bermakna bagi merealisasikan kajian ini.

RUJUKAN

- Ahmad, N., Rahman, S., & Ali, M. (2021). *The effectiveness of structured academic workshops in improving students' examination performance*. Journal of Educational Practice, 12(3), 45–52.
- Broadbent, J. (2021). *Comparing online and blended learners' self-regulated learning strategies and academic performance*. Internet and Higher Education, 49, 100802. doi:10.1016/j.iheduc.2020.100802
- Boud, D., & Molloy, E. (2020). *Rethinking models of feedback for learning: The challenge of design*. Assessment & Evaluation in Higher Education, 45(3), 401–413.
- Butler, D. L., & Cartier, S. C. (2021). *Advancing research and practice in self-regulated learning*. Metacognition and Learning, 16(2), 215–229.
- Carless, D., & Boud, D. (2022). *The development of student feedback literacy: Enabling uptake of feedback*. Assessment & Evaluation in Higher Education, 47(1), 1–15. doi:10.1080/02602938.2020.1732926
- Hattie, J. (2020). *Visible learning: Feedback*. London, UK: Routledge.
- Karpicke, J. D., & Blunt, J. R. (2020). *Retrieval practice produces more learning than elaborative studying with concept mapping*. Science, 331(6018), 772–775.
- Nicol, D. (2023). *Transforming assessment and feedback: Enhancing student learning*. Assessment & Evaluation in Higher Education, 48(2), 123–138.
- Panadero, E. (2020). *A review of self-regulated learning: Six models and four directions for research*. Frontiers in Psychology, 11, 422. doi:10.3389/fpsyg.2020.00422
- Sadler, D. R. (2020). *Reconsidering feedback in higher education: Improving learning outcomes*. Studies in Higher Education, 45(7), 1503–1514.
- Schunk, D. H., & Greene, J. A. (2021). *Handbook of self-regulation of learning and performance (2nd ed.)*. New York, NY: Routledge.
- Topping, K. J. (2020). *Peer assessment: Learning by judging and discussing the work of other learners*. Interdisciplinary Education and Psychology, 4(1), 1–17.

- van Dinther, M., Dochy, F., & Segers, M. (2022). *Factors affecting students' self-efficacy in higher education*. *Educational Research Review*, 37, 100470. doi:10.1016/j.edurev.2022.100470
- Winne, P. H. (2021). *Cognition and metacognition within self-regulated learning*. *Educational Psychologist*, 56(4), 234–245.
- Zimmerman, B. J., & Schunk, D. H. (2020). *Self-regulated learning and academic achievement: Theoretical perspectives (3rd ed.)*. New York, NY: Routledge.